

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 21**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi Kementerian bagi mengatasi masalah penduduk golongan B40 di kawasan bandar yang tinggal di dalam rumah yang usang atau daif. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan atau cadangan untuk menambah jumlah peruntukan bagi skim Program Baik Pulih Rumah Daif di bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan salah satu strategi Kerajaan untuk menyediakan tempat tinggal yang selamat dan selesa agar dapat dihuni oleh penduduk golongan B40 khususnya yang berhadapan dengan masalah tempat tinggal disebabkan kerosakan kecil atau kerosakan akibat musibah seperti kebakaran, banjir dan ribut. Program ini juga selaras dengan komitmen Kerajaan di bawah *Sustainable Development Goals* (SDGs) 2030, Teras 1: Membasmi Kemiskinan dan Kemakmuran Bersama (2030).

2. Skop bantuan baik pulih ini merangkumi komponen-komponen asas rumah sahaja seperti pembaikan bumbung, dinding, lantai, tingkap dan lain-lain serta tidak melibatkan struktur asas rumah. Kadar baik pulih rumah adalah sebanyak RM13,000.00 untuk Semenanjung Malaysia dan RM15,000.00 bagi Wilayah Persekutuan Labuan/Sarawak/Sabah. Penambahan jumlah peruntukan bagi program ini adalah tertakluk kepada keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.